



Haji Ab. Ghani Mohd Ali
Pengerusi KPF Sesi 2017/2018

Pada Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KPF Yang Ke-36 yang berlangsung pada 3 Jun 2017 yang lalu, Lembaga FELDA telah mencalonkan Timbalan Pengarah Besar FELDA (Pembangunan Ekonomi) Haji Ab.Ghani Mohd Ali sebagai Pengerusi KPF menggantikan Datuk Hanapi Suhada yang telah tamat tempoh perkhidmatannya. Para perwakilan telah sebulat suara mengesahkan pelantikan tersebut bersama Encik Anuar Malek sebagai Setiausaha dan Encik Mohd Shahrin Mohd Ali sebagai Bendahari KPF bagi sesi 2017/2018. Haji Ab.Ghani Mohd Ali yang memangku jawatan pemangku Pengarah Besar FELDA ketika itu telah menjadi anggota KPF sejak 29 Februari 1983.


Beliau yang telah berkhidmat dengan FELDA selama 36 tahun merupakan lulusan Sarjana Muda dalam Psikologi dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Memulakan kerjaya sebagai Pegawai Tadbir di Pejabat Pengurusan Ibu Pejabat FELDA pada 1 Jun 1981, beliau kemudiannya telah berkhidmat di beberapa kawasan Felda termasuk FELDA Wilayah Kelantan/ Terengganu, FELDA Wilayah Seremban, FELDA Wilayah Pahang Barat Daya, FELDA Wilayah Pahang Tengah, FELDA Wilayah Pahang Selatan, FELDA Wilayah Pahang Timur dan FELDA Wilayah Kuantan. Pada 2005, beliau telah dinaikkan pangkat sebagai Pengurus Besar Kawasan untuk FELDA Wilayah Sahabat, FELDA Wilayah Raja Alias, dan FELDA Wilayah Kuantan sehingga 2012. Pada 1 November 2012, beliau telah dilantik sebagai Timbalan Pengarah Besar Felda (Pembangunan Komuniti) dan kemudiannya



bertukar portfolio kepada Timbalan Pengarah Besar (Pembangunan Ekonomi). Haji Ab. Ghani Mohd Ali pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah FELDA Marketing Sdn. Bhd. dan FELDA Vegetable Oil Products Sdn. Bhd. Sekarang ini beliau turut berada dalam Lembaga Ministry of Plantation Industries and Commodities (MPIC), FELDA Technoplant Sdn. Bhd. dan FELDA Rubber Industries.

**Salam Maal Hijrah
Kepada
Muslimin & Muslimat**

Daripada:
Pengerusi, Anggota Lembaga
& Pengurusan Kumpulan KPF



Sidang Redaksi.

Penasihat

Sakinah Salleh

Ketua Editor

Mohammed Sunaini Yusop

Editor

Mohd Suhairy Mat Sari
Saifuddin Sulaiman
Mohd Fikrie Azlan

Fotografi

Ahmad Yusri Yusof

Rekabentuk/ Percetakan


Felda Trading Sdn Bhd
(D'Print)
Farhan Akmal Parsi

Sebarang artikel boleh dihantar kepada:

Seksyen Penerbitan dan Acara Korporat,
Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad,
Aras 8, Balai Felda,
Jalan Gurney 1,
54000 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2694 2095

E-mel: kpfadmin@felda.net.my



Assalamualaikum wbt.

Syukur dan Alhamdulillah atas izin-Nya, penerbitan Warkah KPF Edisi Mei-Ogos dapat diterbitkan dan akan terus menjadi wadah penyebaran maklumat yang tepat dan komprehensif kepada warga anggota KPF secara amnya.

Semoga maklumat ini dapat disebar luas supaya anggota dan masyarakat mempunyai persepsi yang tepat mengenai KPF/Kumpulan KPF. Melalui semangat kebersamaan warga anggota, KPF terus melakar namanya dalam gerakan koperasi tanah air melalui anugerah berprestij yang diterima sempena Hari Koperasi Negara 2017 Peringkat Wilayah Persekutuan, pada 26 Ogos 2017 iaitu Anugerah Profil Koperasi Terbaik 2017 dan Anugerah Khas Koperasi 2017. Anugerah ini pasti menjadi kebanggaan seluruh warga anggota dan menjadi pendorong untuk Lembaga dan warga kerja KPF/Kumpulan KPF menjadikan KPF terus cemerlang dan gemilang.

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Yang Ke-36 telah berlangsung dengan jayanya dan buat julung kalinya dirasmikan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Seri Hamzah Zainudin, turut memberi semangat untuk KPF mara menerajui kejayaan gerakan koperasi tanah air dan merealisasikan aspirasi kita bersama.

Sekian dan salam hormat,

Sakinah Salleh

Pengarah Eksekutif Kanan Kumpulan/
Ketua Pegawai Eksekutif KPF



KPF TERUS UNGGUL

TERIMA ANUGERAH PROFIL KOPERASI TERBAIK 2017 DAN ANUGERAH KHAS KOPERASI 2017

Sempena sambutan Hari Koperasi Negara 2017 Peringkat Wilayah Persekutuan, bertempat di Medan Tuanku, Kuala Lumpur pada 26 Ogos 2017, KPF telah diumumkan menerima Anugerah Profil Koperasi Terbaik 2017 dan Anugerah Khas Koperasi 2017. Kedua-dua anugerah ini diberikan atas pencapaian cemerlang KPF dalam aktiviti pelaburandan pemborongan serta pencapaian perolehan berjumlah RM778.88 juta serta pemilikan aset bernilai RM5.0 bilion.

Penganugerahan tersebut telah disampaikan oleh YB Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor dan diterima oleh Encik Mohd Shahrin Mohd Ali, Bendahari KPF. Majlis tersebut turut disertai oleh Pengarah Eksekutif Pelaburan dan Perniagaan, Encik Zaffary Ab. Rashid serta Pegawai Kanan KPF. Penganugerahan ini merupakan suatu pengiktirafan kepada KPF oleh kerajaan dan sebagai tanda aktiviti pelaburan KPF/Kumpulan KPF pada ketika ini berada dilandasan yang betul.



KPF MENGEKALKAN PRESTASI DIVIDEN 10% BAGI TAHUN KEWANGAN 2016

Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan KPF Yang Ke-36 telah berlangsung pada 3 Jun 2017 bersamaan 8 Ramadhan 1438H, jam 2.00 petang bertempat di Dewan Bankuet, Menara FELDA, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini telah dihadiri seramai 1,246 orang perwakilan yang mewakili 264,173 anggota di seluruh negara. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh Setiausaha KPF, Encik Anuar Malek. Hasil pencapaian positif prestasinya bagi tahun kewangan 2016, mesyuarat ini telah bersetuju pengagihan dividen sebanyak 10% yang berjumlah RM250.59 juta. Dividen dibayar kepada anggota sebelum sambutan Aidilfitri.

YB Dato' Seri Hamzah Zainudin, Menteri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutup Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Yang Ke-36 ini, bersama para perwakilan dalam majlis berbuka puasa yang diadakan. Turut hadir pada majlis ini adalah YB Tan Sri Shahrir Abdul Samad, Pengurus FELDA, Dato' Basaruddin Sadali, Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan Dalam Negeri) KPDKKK, Haji Ab Ghani Mohd Ali, Pemangku Pengarah Besar FELDA, Dato' Dr. Noor Zari Hamat, Pengurus Eksekutif SKM, Dato' Haji Abdul Fatah Abdullah, Presiden ANGKASA dan Puan Sakinah Salleh, Ketua Pegawai Eksekutif KPF.

Tan Sri Shahrir Abdul Samad yang turut berucap, mengulas bahawa pembayaran dividen adalah mengambil kira keupayaan kewangan semasa dan perlu memperolehi kelulusan daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

KUMPULAN PENEROKA

MENGUASAI 88.46% MODAL SYER ANGGOTA

Kumpulan Peneroka kekal sebagai pemegang terbesar modal syer dengan penguasaan sebanyak 88.46% daripada keseluruhan jumlah anggota dengan pemilikan modal syer bernilai RM1,898.72 juta, manakala Kumpulan Kakitangan seramai 30,484 anggota memegang sebanyak RM650.84 juta. Berikutnya penetapan had maksimum modal syer sebanyak RM2,500.00 juta serta pelaksanaan sistem langganan Q-Share, modal syer anggota telah mengalami penurunan sebanyak RM60.29 juta kepada RM2,549.56 juta yang mencatatkan pengurangan sebanyak 2.31% berbanding tahun 2015 iaitu sebanyak RM2,609.86 juta. Seramai 1,171 anggota telah mendaftar untuk Q-Share dengan langganan modal syer bernilai RM71.28 juta.

**PERLADANGAN
PELABURAN UTAMA
KPF BERNILAI
RM1,327.64 JUTA**



Dana dibawah pengurusan berjumlah RM4,441.18 juta (2015:RM4,738.79 juta). Pelaburan terbesar adalah dalam perladangan RM1,327.64 juta (29.89%), pelaburan korporat RM1,303.11 juta (29.35%), harta tanah RM1,176.42 juta (26.48%), pasaran modal RM468.16 juta (10.55%) dan perkhidmatan kewangan RM165.85 juta (3.74%). Aktiviti pelaburan ini telah menghasilkan perolehan berjumlah RM797.63 juta iaitu mencatatkan peningkatan sebanyak 7.18% berbanding tahun lalu.

KPF MEMBAYAR ZAKAT PERNIAGAAN RM4.0 JUTA

Pada tahun ini, KPF membayar zakat perniagaan sebanyak RM4.0 juta meningkat 100% berbanding tahun lalu. Bayaran zakat ini telah diserahkan kepada Pusat Pungutan Zakat dan Baitulmal negeri masing-masing pada Ramadhan yang lalu.



**KPF MENEROKA
BIDANG
KEBERHASILAN
BARU**

Bagi menjana pendapatan yang lebih konsisten, KPF akan terus meneroka bidang-bidang baharu yang berskala besar dan berdaya maju. Tumpuan turut akan diberikan terhadap beberapa bidang keberhasilan utama lain seperti perladangan, harta tanah, perhotelan dan perkhidmatan kewangan.

Menjelang akhir tahun 2017, sebanyak sepuluh cawangan baru Ar Rahn KPF akan beroperasi di empat buah negeri lagi. Ia bukan sahaja memberi perkhidmatan yang termurah kepada masyarakat tetapi turut menawarkan peluang pekerjaan kepada anak-anak warga FELDA.


SKIM PEMBIAYAAN HARTANAH-i

KPF mengorak langkah dalam menyediakan Skim Pembiayaan Hartanah-i kepada para anggotanya bagi memenuhi permintaan pemilikan harta tanah. Skim ini dijangka akan mula ditawarkan pada Jun 2018 setelah pembangunan sistem untuk skim ini siap sepenuhnya kelak.



Haji Ab. Ghani Mohd Ali dilirungi Puan Sakinah Salleh menyampaikan plak KPF sebagai cenderahati kepada YB Dato' Seri Hamzah Zainudin

Dengan jumlah maksima sehingga RM600,000.00 dan tempoh maksima sehingga 30 tahun, skim ini diharap akan menerima sambutan yang menggalakkan daripada anggota-anggota KPF. Kadar yang akan ditawarkan juga adalah sangat kompetitif berbanding institusi kewangan lain di pasaran.



Ketua Unit Operasi Ustaz Abdul Rahman Hamzah memberi taklimat kepada delegasi Koperasi BandarayaKU Berhad

KUNJUNGAN HORMAT KOPERASI BANDARAYAKU

Pada 3 Mei 2017, KPF telah menerima kunjungan lawatan oleh anggota Lembaga dan Pengurusan Koperasi BandarayaKU Berhad yang diketuai oleh Datuk Bandar Kuching Utara, Datuk Haji Abang Abdul Wahap Haji Abang. Pengarah Eksekutif Kanan Kumpulan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif KPF,

Puan Sakinah Salleh telah memberikan taklimat mengenai sejarah, aktiviti dan pencapaian KPF sehingga kini. Kunjungan ini juga membuka ruang yang terbaik untuk KPF mengadakan jalinan kerjasama dalam bidang yang sesuai pada masa akan datang, kerana KPF memiliki pelaburan perladangan yang besar di Samarahan Sarawak.

Kunjungan lawatan tersebut diakhiri dengan lawatan dan penerangan ke Kaunter Khidmat Anggota di aras bawah Balai Felda.

TEMUDUGA TERBUKA HOTEL TENERA MENDAPAT SAMBUTAN YANG MENGGALAKKAN

Lebih 800 orang calon hadir semasa Hari Temuduga Terbuka yang dijalankan secara berperingkat dari bulan Mei sehingga Jun 2017 di Selasih Garden Restaurant, Hotel Tenera. KPF Hotel Management Sdn Bhd, syarikat subsidiari KPF yang dilantik sebagai operator hotel telah mengambil langkah persediaan dengan menawarkan pelbagai peluang pekerjaan.



Calon-calon mengisi Maklumat Peribadi sebelum menjalani sesi temuduga terbuka Hotel Tenera, Bangi

Proses pemilihan yang teliti dan menyeluruh telah dijalankan bagi memastikan segala kriteria dipenuhi. Seramai lebih 100 orang calon telah ditawarkan peluang pekerjaan. Hotel Tenera yang terletak di Bandar Baru Bangi dimiliki sepenuhnya oleh KPF dan dijangka akan beroperasi sepenuhnya sebelum akhir tahun 2017.

AKAN DIBUKA di Bandar Baru Bangi



HOTEL
TENERA

“..Enriching Every Stay..”

+6 03 2692 9992

hoteltenera.kpf@felda.net.my



Diuruskan oleh KPF Hotel Management Sdn. Bhd.
(Subsidiari Kumpulan KPF)

PROMOSI PEMBUKAAN

@ Institut Semarak FELDA

www.feldadsaji.com.my

Azan: 014 - 3388 794 | Nadia: 019 - 2956 232

SERENDAH
RM 23 PAX

Diskaun 2,000



ar-rah

SISTEM PEMBIAYAAN BERCAGAR EMAS

PENGENALAN ar-rah

KEISTIMEWAAN ar-rah

ar-rah KPF merupakan perkhidmatan pembiayaan bercagar emas (sistem pajak gadai Islam) yang telah diperkenalkan sebagai alternatif kepada pajak gadai konvensional yang mana bertujuan untuk menghapuskan riba & gharar. Ini sejarah dengan matlamat asal pajak gadai Islam, iaitu sebagai fardhu kifayah kepada masyarakat Islam khususnya. ar-rah KPF merupakan pembiayaan mudah jangkamas pendek yang mesra pelanggan.

Bagi Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF), ini merupakan salah satu cabang baru di dalam portfolio pelaburannya di bawah Perbankan Koop dan Takaful.

ar-rah KPF ditubuhkan bagi memberikan perkhidmatan pembiayaan kecil bercagarkan emas patuh syariah kepada semua lapisan masyarakat.

Produk patuh syariah

Transaksi adil, telus, mudah dan cepat

Kadar pembiayaan sehingga 75%
(Tertakluk kepada terma dan syarat)

Kadar upah simpan yang kompetitif.

Penggadai dimaklumkan sebelum barang gadaian dilelong

Lebihan baki lelongan akan dikembalikan kepada penggadai

JARINGAN KORPORAT

ar-rah

Diselia Oleh:

SKM
Suruhanjaya Koperasi Malaysia
Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)
Ruj : SKM.IP.(UU)

“Teman Pembentukan Mudah Anda”